

# Mahathir minta pekebun kecil betulkan 'keanehan' dalam perusahaan getah

UM - 6 FEB 1982

KUALA LUMPUR, 5 Feb. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta para pekebun kecil membetulkan "keanehan" yang wujud dalam perusahaan getah dan mencari punca-punca baru bagi menambah pendapatan masing-masing bagi menampung kejatuhan harga bahan tersebut.

Beliau berkata, apa yang aneh ialah dua pertiga dari tanah kebun getah dimiliki oleh pekebun kecil dan satu pertiga oleh estet besar, tetapi dari segi pengeluaran

pula cuma satu pertiga adalah dari pekebun kecil dan dua pertiga dari estet besar.

Menurutnya, keanehan ini berlaku kerana cara dan teknik penanaman dan pemeliharaan kebun getah oleh pekebun kecil tidak mengikut amalan-amalan yang baik seperti yang dinasihatkan oleh pihak pakar.

Perdana Menteri berucap merasmikan seminar pelaksanaan projek pembangunan RISDA di sini hari ini.

Beliau kesus kerana walaupun mereka sedar tentang nasihat ini, para pekebun kecil tidak mengikut amalan-amalan tersebut dan pada masa yang sama meminta kerajaan membuat sesuatu untuk mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi.

"Malangnya setelah kerajaan mengambil sesuatu tindakan, prestasi yang baik tidak juga dicapai.

"Kita meminta lagi supaya bermacam tindakan diambil oleh kera-

jaan.

"Malangnya jikalau seribu satu tindakan lagi diambil oleh kerajaan pun, selagi kita sendiri tidak sanggup mengamalkan amalan yang baik semua tindakan akan menjadi sia-sia sahaja," tegasnya.

Beliau berkata, oleh kerana pemilikan tanah kebun getah adalah terhad, para pekebun kecil tidak boleh hanya bergantung pada getah untuk menyara hidup mereka.

Untuk mendapat pendapatan yang mencukupi, kata Perdana Menteri, para pekebun kecil hendaklah menoleh ke arah lain untuk mencari sumber-sumber pendapatan yang lain.

Beliau menegaskan jika para pekebun kecil sanggup bekerja keras untuk menambahkan pendapatan, sudah tentu kejatuhan harga getah dapat dihadapi dengan mudah.

"Tetapi kerana kita

terlalu bergantung kepada getah, kita menghadapi masalah," katanya.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menerangkan bahawa adalah tidak mungkin bagi kerajaan mengatasi segala masalah kekurangan pendapatan kerana pada masa ini kerajaan sendiri menghadapi kekurangan hasil akibat kejatuhan harga getah.

Perdana Menteri berkata, semua rakyat negara ini mempunyai peluang untuk memperbaiki kedudukan ekonomi dan mutu hidup masing-masing asalkan mereka sanggup bekerja keras dan sanggup melalui kesuksaan.

"Yang penting ialah kesanggupan kita. Akan datang iblis yang akan merasuk kita supaya jangan bekerja - habiskan masa depan bersempang dan berangan-angan," ujarnya.

Beliau berharap tidak ada siapa yang akan membenarkan iblis mempengaruhinya.